

25/10/2000

Dr M akan lancar Yayasan Formula Malaysia

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan penubuhan Yayasan Formula Malaysia dalam satu majlis makan malam di sebuah hotel di sini, 1 November ini.

Perdana Menteri juga dijangka menyampaikan hadiah kepada pemenang Peraduan Formula Malaysia, yang berakhir 30 Jun lalu.

Peraduan itu, bertujuan membolehkan rakyat pelbagai latar belakang melahirkan pandangan serta pendapat mengenai Malaysia dan masa depannya, merangkumi enam kategori iaitu penulisan esei, mengarang cerpen, mencipta lagu, melukis, fotografi dan mereka bentuk laman web.

Melalui Yayasan Formula Malaysia, syarikat korporat prihatin akan terus mengetengahkan konsep Formula Malaysia dengan menggalakkan pembabitan rakyat dalam kegiatan yang positif kepada negara.

Yayasan itu akan memberi tumpuan terhadap kecemerlangan pembabitan rakyat bangsa negara ini dalam semua bidang, seiring semangat `Malaysia Boleh'.

Yayasan itu kini dianggotai lapan syarikat korporat iaitu KUB Malaysia Bhd (KUB), Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB), Edaran Otomobil Nasional Bhd (EON), YTL Corporation Bhd, Kumpulan Sungei Way, Southern Bank Bhd, Sapura Group of Companies dan Tenaga Nasional Bhd (TNB).

Sehubungan itu, syarikat korporat yang berminat menyertai Yayasan Formula Malaysia boleh menghubungi Halim Azham atau Norashekin Yusof dengan menelefon 03-27189060 atau 27189051 untuk membeli meja berharga antara RM3,000 hingga RM30,000 pada majlis berkenaan.

(END)